

03/03/2005

Gabenor-Kemuncak

PERISYTIHARAN DANAU TOBA KEMUNCAK SIDANG GABENOR SEDUNIA KHAMIS INI

JAKARTA, 3 Mac (Bernama) -- Sidang kemuncak lebih 900 gabenor dari seluruh dunia yang akan berlangsung di Medan dari 10 hingga 12 Mac ini, bakal menghasilkan Peristiharan Danau Toba yang bakal menjadi rujukan kaedah menangani kemusnahan alam sekitar selepas bencana alam seperti gelombang Tsunami yang memusnahkan Aceh pada 26 Dis lepas.

Peristiharan itu juga akan menggariskan panduan pembangunan mampan bagi peringkat pentadbiran atau pemerintah daerah dan wilayah selepas bencana alam.

Gabenor Sumatera Utara T. Rizal Nurdin berkata peristiharan itu akan dihasilkan dengan mengambil kira pengalaman negara-negara yang ditimpa bencana, yang turut merangkumi 12 negara di pesisir Lautan Hindi yang dilanda Tsunami, termasuk wilayah Aceh dan Sumatera Utara.

"Peristiharan itu selain menggariskan panduan bagi mengurangkan kesan buruk jika berlaku bencana alam melalui pemeliharaan alam sekitar, juga akan memandu kaedah yang mesra alam bagi peringkat pemulihan dan pembangunan semula," katanya pada sidang media mengenai sidang kemuncak itu di sini hari ini.

Katanya daerah dan wilayah yang dilanda bencana akan berkongsi pengalaman mereka manakala negara-negara yang memberi bantuan akan mengemukakan pandangan mengenai keperluan langkah pencegahan kesan buruk, pengurusan risiko dan juga pembangunan sempadan wilayah baru berdasarkan kemakmuran, keadilan sosial dan pengekalan alam sekitar.

Rizal berkata Presiden Susilo Bambang Yudhoyono akan merasmikan sidang kemuncak itu, yang akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu forum kerajaan yang berlangsung di Danau Toba, forum perniagaan di Medan dan forum akademik di Brastagi dengan kemuncak peristiharan itu di Danau Toba.

Antara orang-orang kenamaan yang dijadual menyampaikan ucapan utama dan kertas kerja pada sidang kemuncak itu ialah bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad, Presiden Timor Leste Xanana Gusmao dan perutusan khas daripada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan.

Malaysia akan diwakili antara lain oleh bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Mohd Shaid Taufek, selain pembentangan pengalaman oleh wakil-wakil Kuala Muda, Kedah dan Pulau Pinang.

"Sumatera Utara sudah siap sedia menerima ketibaan para gabenor dan delegasi masing-masing yang dianggarkan seramai 1,500 orang untuk memulakan sidang kemuncak pertama itu, yang juga merupakan acara antarabangsa yang paling besar bagi wilayah sini," katanya.

Sidang kemuncak itu dianjurkan bersama oleh kerajaan Indonesia, wilayah Sumatera Utara, PBB melalui beberapa agensi di bawahnya serta Network of Regional Governments for Sustainable Development, yang ditubuhkan di Johannesburg, Afrika Selatan pada tahun 2002.

Selain menikmati keindahan pusat peranginan Brastagi dan Danau Toba, para gabenor itu juga akan dibawa melawat ke kawasan yang paling teruk dilanda Tsunami iaitu Banda Aceh, Pulau Nias dan juga Meulaboh.

-- BERNAMA

MNY MNY AZH